



UMP rangkul 18 pingat dan anugerah khas dalam ITEX 2013

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya merangkul 18 pingat dan satu anugerah khas pada Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2013 (ITEX'13) dengan membawa pulang 12 pingat emas dan enam perak.

Pertandingan dianjurkan Malaysian Invention and Design Society (Minds) dengan kerjasama World Intellectual Property Organisation (Wipo) buat kali ke-24 pada 9 hingga 11 Mei 2013 yang lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Lebih membanggakan penyelidikan Profesor Madya Dr. Abdurrahman Hamid Nour dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) bertajuk "Water as an Alternative Energy and Pollutant Control" berjaya memikat hati juri apabila hasil penyelidikan berkaitan penemuan air sebagai sumber tenaga alternatif dalam mengawal pencemaran dianugerahkan pingat emas dan Anugerah Khas Henry Goh (Best Green Technology Invention).

Pingat emas turut dimenangi penyelidik dari FKKSA, Dr. Ahmad Ziad Sulaiman dengan penyelidikannya bertajuk "Effect of Ultrasound on Enzymatic Extraction of *Eurycoma Longifolia* (Tongkat Ali) for Cosmeceutical and Nutraceutical Application". Penyelidikan

ini mengetengahkan mengenai kaedah meningkatkan hasil kadar pengekstrakan herba iaitu daripada Tongkat Ali dengan menggunakan teknologi gabungan enzim berbentuk teknologi ultrasound dan sesuai digunakan dalam industri kosmetik.

Sementara itu, penyelidik Rosyati Hamid dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) juga menang pingat emas dengan penyelidikannya bertajuk "An Automated Detection & Quantification of Pus Cells and Epithelial Cells for Sputum Quality Testing with Moving Stage Using Biological Microscope". Penyelidikannya berkaitan sistem untuk mengesan dan mengira virus serta sel yang terdapat dalam kahak dan nanah bagi mendapatkan keputusan yang lebih konsisten.

Begitu juga hasil penyelidikan mengenai alat pegasan *nitrite* yang terdapat pada sarang burung turut memenangi pingat emas menerusi penyelidikan oleh Dr. Tan Ling Ling @ Chong Ling Ling dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Lain-lain pingat emas turut dimenangi Profesor Madya Dr. Ghazi Faisal Najmudeen (FKKSA), Profesor Madya Dr. Maksudur Rahman Khan (FKKSA), Mohd. Najib Razali (FKKSA), Ahmad Rosli Abdul Manaf (Fakulti Kejuruteraan Pembuatan), Profesor

Dr. Kamal Zuhairi Zamli (Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian), Dr. Chong Kwok Feng (FSTI) dan Dr. Gurumurthy Hegde (FSTI).

Penyelidik yang berjaya dianugerahkan pingat perak pula adalah pensyarah Profesor Madya Dr. Md. Maksudur Rahman Khan (FKKSA), Dr. Norrozila Sulaiman (FSKKP), Profesor Dr. Jose Rajan (FSTI) dan Profesor Madya Dr. Md Lutfor Rahman (FSTI).

Dua pingat perak yang diperoleh adalah hasil sumbangan daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) bagi kategori pendidikan iaitu Mardhiyyah Zamani dengan penyelidikannya bertajuk "Zikir Intelligent" dan Dr. Norrihan Sulan dengan penyelidikannya "A Corpus of Thematic Quran Verses".

Pertandingan kali ini juga menyaksikan booth UMP turut berjaya memikat hati juri apabila dinobatkan pingat emas bagi Kategori Reka Bentuk Booth Pameran Terbaik.

Pameran bertemakan Kejuruteraan dan Teknologi ini dirasmikan oleh bekas Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia, Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Haji Omar Abdul Rahman dengan penyertaan lebih daripada 500 projek penyelidikan tempatan dan luar negara.